



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

ISNIN, 11 DISEMBER 2023

LAPORAN HARIAN





JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWK

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my

f t i kpwkm


11/12/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
1	KEADAAN BANJIR DI KELANTAN HAMPIR PULIH	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/12/10/keadaan-banjir-di-kelantan-hampir-pulih/	FREEMALYSIATODAY.COM
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/12/1187410/hanya-27-mangsa-banjir-di-kelantan	BHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
2	INSTITUSI PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK TIDAK TERPINGGIR	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/12/institusi-pendidikan-awal-kanak-kanak-tidak-terpinggir/	UTUSAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
3	300 SERTAI FUN RUN WALK & WHEEL ANJURAN UKM	
	https://malaysiagazette.com/2023/12/10/300-sertai-fun-run-walk-wheel-anjuran-ukm/	MALYSIAGAZETTE.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
4	DON: ADULT'S DUTY TO ENSURE CHILDREN'S SAFETY	
	https://www.theborneopost.com/2023/12/10/don-adults-duty-to-ensure-childrens-safety/	THEBORNEOPOST.COM



Keadaan banjir di Kelantan hampir pulih

Setakat pagi tadi jumlah mangsa banjir di Pasir Mas kekal 62 orang daripada 22 keluarga.

FMT Reporters - 10 Dec 2023, 11:47am

9
Shares

f Share

X Tweet

Share

Email



Semua 62 mangsa masih berlindung di PPS SK Gual To' Deh di Rantau Panjang selepas kediaman masing-masing masih digenangi 'banjir termenung'. (Gambar Bernama)

PETALING JAYA: Keadaan banjir di Pasir Mas, Kelantan semakin pulih apabila hanya 62 mangsa banjir daripada 22 keluarga masih ditempatkan di pusat pemindahan sementara (PPS).

Menurut portal Info Bencana Jabatan Kebajikan Masyarakat, semua mangsa berlindung di PPS SK Gual To' Deh di Rantau Panjang selepas kediaman masing-masing masih digenangi 'banjir termenung'.

Mereka terdiri daripada 21 lelaki, wanita (lapan), kanak-kanak lelaki (enam), kanak-kanak perempuan (tujuh), bayi lelaki (14) dan bayi perempuan (enam), lapor Bernama.

Sementara itu, Sekretariat Pengurusan Bencana negeri berkata, cuaca yang baik sejak beberapa hari lalu menyaksikan tiga buah PPS di Pasir Mas iaitu SMK Baroh Pial, SK Gual Periok dan SMK Gual Periok ditutup sepenuhnya pada pukul 3.30 petang semalam

Bagaimanapun, Jalan Pengkalan Rakit-Batu Karang berhampiran Masjid Padang Licin dan Jalan Sk Gual Tok Deh berhampiran padang bola sepak masih ditutup kepada semua kenderaan.

Jalan Panglima Bayu-Rantau Panjang-Jeram Perdah berhampiran Kampung Tersang dan Jalan Tok Deh-Gual Periok dekat Kampung Tok Deh turut ditutup kepada semua kenderaan kerana masih ditenggelami banjir.



Institusi pendidikan awal kanak-kanak tidak terpinggir



ROSLAN Nordin (berkopiah) dalam satu majlis bersama kakitangannya baru-baru ini.

Dia oleh MOHAMAD HAFIZ YUSOFF BAKRI | 10 Disember 2023, 7:53 pm

PETALING JAYA: Institusi pendidikan awal [kanak-kanak](#) berkonsepkan Islam tidak pernah terpinggir dan terus menjadi pilihan ibu-bapa masa kini.

Ketua Pegawai Eksekutif Little Caliphs International Sdn. Bhd. (LCISB), Datuk Roslan Nordin berkata, ini terbukti selepas sekolah tersebut melakar sejarah dengan memiliki 40,000 pelajar selepas genap 20 tahun beroperasi di negara ini.

Selain itu katanya, institusi tersebut juga kini mempunyai hampir 500 rangkaian tadika dalam menyediakan pendidikan awal kanak-kanak.

"Sepanjang tempoh 20 tahun, kita telah mengubah landskap pendidikan awal kanak-kanak di Malaysia yang mana telah menjadi mercu tanda kepada harapan buat ibu-bapa dan pendidik.

"Ini kerana, kurikulum dan metodologi pengajaran yang digunakan oleh kami bukan sahaja inovatif dan terbukti berkesan malah turut diserapkan dengan nilai-nilai yang diajarkan oleh agama Islam.

"Ia selaras dengan misi kurikulum kami iaitu untuk menanam rasa cinta akan Islam dan ilmu pengetahuan kepada kanak-kanak sebagai persiapan awal untuk mereka menjadi hamba Allah, khalifah Allah dan umat Nabi Muhammad S.A.W yang soleh," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Beliau dalam masa yang sama berkata, pihaknya sentiasa ke arah mewujudkan persekitaran yang kondusif dan memupuk semangat ingin tahu serta menggalakkan pertumbuhan yang lebih menyeluruh.

"Kurikulum dan aktiviti yang dijalankan Little Caliphs mampu merealisasikan hasrat agar kanak-kanak dapat mencapai potensi penuh mereka dalam pelbagai aspek kehidupan," katanya. – [UTUSAN](#)



300 sertai Fun Run Walk & Wheel anjuran UKM

Oleh *Wartawan MalaysiaGazette* - 10 December 2023



Para peserta yang menyertai Fun Run Walk & Wheel.

KUALA LUMPUR – Seramai 295 peserta terdiri daripada orang awam dan orang kurang upaya (OKU) menyertai program *Fun Run Walk & Wheel* sempena Hari OKU Sedunia 2023 di Dataran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Larian yang memabitkan OKU pendengaran, penglihatan, fizikal dan masalah pembelajaran ini merupakan anjuran Pusat Kajian Rehabilitasi dan Keperluan Khas (iCaRehab), Fakulti Sains Kesihatan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Pengarah Sambutan Hari OKU Sedunia 2023, Dr. Zainora Mohammed berkata, acara larian ini merupakan platform yang efektif bagi peserta dan orang kurang upaya untuk berjalan, berlari dan beroda beriringan pada laluan yang sama.

"Acara ni diharapkan dapat membuka ruang kepada masyarakat umum untuk mengenali tentang kepelbagaian individu dalam kalangan OKU lantas meningkat kesedaran mereka akan golongan ini.

"Program ini juga memberi peluang kepada komuniti OKU dan masyarakat awam untuk berinteraksi dan menjalin ukhwah selain meraikan keterangkuman dan kesaksamaan," katanya.

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Jaringan Industri dan Masyarakat UKM, Prof. Datuk Ts. Dr. Norazah Mohd Nordin berkata Hari OKU adalah satu titik fokus untuk memahami kehidupan, cabaran, dan pencapaian luar biasa yang dimiliki oleh individu OKU.


Tambahnya, UKM komited dalam memperkasakan dan memperkukuhkan hak golongan OKU supaya dapat mencapai tahap perkhidmatan dan persekitaran yang cemerlang.

"Antara inisiatif universiti adalah penubuhan Unit Perkhidmatan dan Sokongan OKU pada tahun 2019 bagi menyokong penuh golongan ini.

"UKM juga terbuka dalam menerima seramai 117 OKU yang terdiri daripada 50 kakitangan dan 67 orang pelajar," katanya.

Bertemakan 'Meraikan Kepelbagaian dan Keterangkuman Ke Arah Kesejahteraan Orang Kurang Upaya', program ini disempurnakan oleh Ahli Dewan Negara (Wakil OKU), Senator Isaiah D. Jacob.

Program ini mendapat kerjasama dari Unit Perkhidmatan dan Sokongan OKU UKM, Jabatan Penerangan Malaysia (JPEN), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dan DBKL. – *MalaysiaGazette*



TAJUK : ADULT'S DUTY TO ENSURE CHILDREN NOT EXPOSED TO HARM, DANGER - DON

HARI : ISNIN

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 11 DIS 2023

M/SURAT : 04

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Adult's duty to ensure children not exposed to harm, danger — Don

KUCHING: People must play their role to ensure the safety of children, which is not the sole responsibility of their parents or guardians, said Dr Muzaffar Syah Mallow.

The Universiti Sains Islam Malaysia's Faculty of Syariah and Law associate professor said children, being young, immature and naive, can easily fall prey to criminals.

"Children do not have a clue about the danger in the world they live in. The world is not a perfect place for anyone to live in peace and a safe manner including for children. It's always very sad to hear children fall victim to crime especially heinous crime like murder or sexual violence," he said in a statement.

Muzaffar asserted that it is the duty of the adults to ensure the safety of children at all times. He said adults must play an active role in monitoring and protecting children from any harm or risks of danger.

"Sadly, we have been exposed to news over parents and guardians' carelessness in carrying out their basic duties and responsibilities to protect children under their care. They must remember that they are obligated to take good care of their children whether they like it or not," he added.

He reminded all adults that children do not have enough understanding of their environment, and may not be able to tell between right and wrong.

Given this, he said they should guide and supervise their children so that the young ones would not get into any trouble or be targeted by criminals.

"Parents and guardians are obliged to ensure children's safety as stipulated under the international law as well as the law enforced in the country.

"It is worth noting that Malaysia has enacted the Child Act 2001 in order to fulfil its obligation under the Convention on the Rights of the Child (CRC)


1989 which Malaysia has become a member since 1995," he said.

He added that parents and guardians must not allow their children be exposed to any situation that can bring harm or danger to their life.

He cautioned that stern legal action can be taken against anyone including parents and guardians who are found guilty of failure in taking good care of their children.

"The society should also play its part in protecting the safety and welfare of all children. We cannot simply turn a blind eye on the issue. As the saying goes, it takes a village to raise a child. As such, everybody must play their role to ensure all children are safe and not exposed to harm or danger," he said.

Muzaffar added that children must also be enlightened on the danger that they may be exposed to, as well as the steps that they should take in case of any emergencies.



TAJUK : GROUP RESCUES AN AVERAGE OF FOUR BABIES A MONTH AT ITS HATCH

HARI : ISNIN

AKHBAR : THE STAR

TARIKH : 11 DIS 2023

M/SURAT : 12

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWKM

Group rescues an average of four babies a month at its hatch

KUALA LUMPUR: Every month, three to four abandoned babies are being taken in by baby-saving group OrphanCare Foundation, says its chairman Tan Sri Faizah Mohd Tahir.

As of last month, the organisation has rescued 550 babies since it was set up in 2008.

Faizah said in 2010, the foundation launched its Baby Hatch programme, which enables mothers, who could not take care of their newborns, to drop them off in a safe and nurturing environment set up by the foundation.

"We received our first baby just three weeks after the launch," she said at the foundation's 15th anni-

versary celebration here yesterday.

Of the total babies received, Faizah said some 30% had been brought home by their mothers while the rest embarked on their new journey with their foster families.

Faizah added that it was important to raise awareness on repro-

ductive health among students and teenagers.


"We will continue to conduct talks, particularly for school and college students nationwide in hope that they will be more responsible for their choices in life," she said.

She said that most mothers abandoned their babies due

to poverty.

The identities of these mothers would not be disclosed, she assured.

She said most importantly, the babies were given a chance to live a better life while the foster families got an opportunity to love and care for an abandoned child.



TAJUK :	LIMPAHAN PEMBANGUNAN KESAN DARIPADA KEHARMONIAN, KEMAKMURAN		
HARI :	ISNIN	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	11 DIS 2023	M/SURAT :	03
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

Limpahan pembangunan kesan daripada keharmonian, kemakmuran

Dalat terus dilimpahi pembangunan melalui kelulusan tiga projek, penerusan satu projek sakit

Oleh Mohamad Achil Norriatep

MUKAH: Dalat terus dilimpahi pembangunan melalui kelulusan tiga projek dan penerusan satu projek sakit.

Timbalan Premier Sarawak Datuk Amar Douglas Uggah Embas berkata, ia merupakan kesan daripada keharmonian dan kemakmuran dikecapi negeri ini di bawah tadbir kerajaan Gabungan Parti Sarawak (GPS).

Medong Seberang kepada Jalan Dalat-Kut sebanyak RM6 juta, Waterfront Dalat Fasa Tiga sebanyak RM4.964 juta dan pembinaan Galeri Warisan Melanau Tiga sebanyak RM14.5 juta.

Begitu juga dengan penerusan satu projek sakit iaitu pembinaan Jalan Kampung Kekan Seberang, Kut Muara, Sungai Pinang, Bungan Besar dan Rasau akan diteruskan dengan kos RM 90.5 juta.

Penyiapan jalan ini akan



BUAH TANGAN: Fatimah (tiga kiri ketika menyerahkan cenderamata kepada Uggah (tengah) pada majlis itu.

“Hanya melalui perpaduan dan keharmonian ini kita dapat bangunkan seluruh Sarawak.”

Datuk Amar Douglas Uggah Embas
Timbalan Premier Sarawak

“Hanya melalui perpaduan dan keharmonian ini kita dapat bangunkan seluruh Sarawak,” katanya ketika Penutupan Pesta Bersaung Dalat 2023 dan Perasmian Dalat Waterfront Fasa Satu semalam di Waterfront Dalat.

Antara projek-projek diluluskan adalah jalan menghubungkan Kampung Kekan Seberang dan Kampung

memberikan impak besar iaitu perjalanan ke bandar Sibu yang menjadi semakin singkat kepada satu jam sahaja.

Secara keseluruhan, pembiayaan dan juga penerusan projek amat penting katanya, demi memberikan pulangan gandaan nilai yang khusus terhadap penduduk. Jika tidak kerana rakyat dan pembangunan Sarawak,

Belanjawan Negeri 2024 sebanyak RM12.3 bilion tidak akan bermakna.

Mengenai bajet kerajaan negeri pada tahun depan, selain belanjawan terbesar, sebanyak 60 peratus daripada jumlah itu adalah khas untuk pembangunan di kawasan luar bandar.

Sementara itu, Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti Dato Sri Fatimah Abdullah amat ber-

terima kasih dengan semua kelulusan serta penerusan projek sakit berkenaan.


“Terima kasih atas semua kelulusan dan penerusan projek sakit,” ujarnya.

Besar harapan rakyat di Dalat untuk melihat segala projek tersebut dilaksanakan dan disiapkan agar dapat memberi manfaat kepada semua penduduk.

Mengenai pesta, kali terakhir ia diadakan adalah pada 2019 di Oya.

Pada kali ini, penyertaannya lebih meriah dan memberangsangkan walaupun dalam keadaan fasiliti Dalat Waterfront belum sempurna pembinaannya. Turut hadir Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tellian Royston Valentine dan Residen Mukah Kueh Lei Poh.

Setelah majlis, Uggah turut meluangkan masa melawat ke Kompleks Kebajikan Dalat dan menikmati jamuan makan tengah hari di situ.



TAJUK :	PROGRAM HARI KELUARGA DAN SUKANEKA ENAM TABIKA KEMAS SRI AMAN MERIAH		
HARI :	ISNIN	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	11 DIS 2023	M/SURAT :	07
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

Program Hari Keluarga dan Sukaneka enam Tabika KEMAS Sri Aman meriah

SRI AMAN: Enam Tabika Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) Bahagian Sri Aman dari kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Simanggang bergabung tenaga menganjurkan Program Hari Keluarga dan Sukaneka di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Bahagian Sri Aman di sini kelmarin.

Antara tabika terlibat terdiri daripada Tabika KEMASKOMTA Kelas A, B, C dan D serta Tabika KEMAS Taman Sentosa Indah Kelas A dan B.

Program itu adalah bagi merapatkan hubungan silaturahim kalangan ibu bapa kanak-kanak tabika dengan guru-guru tabika terlibat menerusi aktiviti di luar kelas bersama ibu bapa, guru dan kanak-kanak.

Selain itu, berkongsi



TAHNIAH: Penyampalan hadiah kepada Johan pertandingan perbarisan yang dimenangi Tabika KEMAS Taman Sentosa Gabungan Kelas A dan B.

pandangan serta pendapat terhadap pelajaran anak-anak mereka dan aktiviti

pendidikan di luar bilik kelas. Seramai 300 peserta ter-

masuk kanak-kanak, ibu bapa dan guru daripada enam kelas terlibat dalam

program itu.

Hadir sama guru-guru Tabika KEMAS KOMTA iaitu Maureen Atang, Janet Entayang, Winner Abdul Rahman dan Dayang Noshila serta guru-guru Tabika KEMAS Taman Sentosa Indah, Siti Susana Harun dan Saria Bakawi.

Dalam pada itu, program itu turut dimeriahkan dengan pertandingan perbarisan kontinjen yang mengambil bahagian.

Gabungan Kelas Tabika KEMAS Taman Sentosa Kelas A dan B diumumkan johan pertandingan perbarisan manakala Gabungan Kelas Tabika KEMAS KOMTA Kelas C dan D muncul naib johan dan tempat ketiga dimenangi Gabungan Kelas Tabika KEMAS KOMTA Kelas A dan B.